

Penubuhan JS-SEZ memacu permintaan ruang pejabat di Johor Bahru

Johor Bahru: Cadangan penubuhan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) dijangka dapat memacu dan meningkatkan permintaan terhadap ruang pejabat terutamanya di bandar raya Johor Bahru, pada tahun-tahun akan datang.

Pengarah IGB Property Management Sdn Bhd Wong Khim Chon berkata permintaan terhadap ruang pejabat semakin meningkat sejak pembukaan semula sempadan Malaysia dan fa-

sa peralihan kepada andemik pada April tahun lepas, disokong oleh pertumbuhan dan kestabilan ekonomi.

Beliau berkata lonjakan itu ketara terutamanya ketika tempoh pengembangan ekonomi apabila perniagaan mencatatkan pertumbuhan, yang membawa kepada peningkatan keperluan untuk ruang pejabat bagi menyokong operasi yang semakin berkembang.

"Selain itu, industri tertentu

mungkin mengalami pertumbuhan atau perubahan yang pesat, mempengaruhi keperluan ruang pejabat mereka.

"Cadangan penubuhan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura dan persiapan sambungan Sistem Transit Rapid Johor Bahru-Singapura dijangka memudahkan lagi pergerakan orang ramai dan barang merentas sempadan, yang berpotensi meningkatkan permintaan untuk ruang pejabat di Johor Bahru,"

katanya kepada Bernama dalam temu bual menerusi e-mel.

Bagaimanapun, Wong berkata meskipun persaingan yang semakin sengit dalam pasaran harta tanah komersial disebabkan pertambahan pesat pembangunan baharu, syarikat itu kekal dengan komitmennya untuk menyediakan spesifikasi yang disesuaikan dengan keperluan khusus penyewa.

Tumpuan utama IGB, tegasnya, adalah untuk mengutama-

kan perniagaan penyewa, memastikan mereka dapat beroperasi dengan baik di menara dengan reka bentuk dengan bagus dan terletak di lokasi strategik.

Mengulas mengenai ruang pejabat yang ditawarkan di menara North Tower @ Mid Valley Southkey, beliau berkata pada masa ini, penghunian komited di North Tower adalah kira-kira 30 peratus daripada jumlah keluasan bersih yang boleh disewakan kira-kira 327,000 kaki persegi.